

07 SEP 2003

Tandatangan

MTRK KUMPUL SEBERAPA BANYAK TANDATANGAN MENGENAI ISU AIR

KOTA BAHARU, 7 Sept (Bernama) -- Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) setakat ini berjaya mengumpul 20,000 tandatangan rakyat negeri ini yang membantah keengganan kerajaan negeri menyerahkan pengurusan air kepada kerajaan pusat.

Ketua Pemuda MTRK Datuk Azaha Abdul Rani berkata majlis itu yakin akan dapat mengumpul lebih 40,000 tandatangan untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadual tiba ke negeri ini pada 15 Sept.

"Maklum balas dari setiap jajahan belum lagi diterima," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

MTRK mengadakan kempen itu sejak dua minggu lepas dan sebahagian daripada tandatangan itu telah diserahkan bersama-sama memorandum bantahan kepada kerajaan negeri pada 24 Ogos.

Perdana Menteri dijadual menghadiri majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra di Tendong, Pasir Mas pada 15 Sept yang upacara perasmiannya akan disempurnakan oleh Sultan Kelantan.

Azaha yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kempen Memungut Tandatangan itu berkata adalah menjadi harapan rakyat Kelantan mahu melihat kualiti air yang dinikmati mereka sekarang jauh lebih baik jika diserahkan pengurusannya kepada kerajaan pusat.

"Mereka meminta agar kerajaan pusat dapat berbuat sesuatu dalam isu ini dan sebab itu kami memungut tandatangan ini dan ternyata respons yang diterima di luar dugaan," katanya.

Beliau juga berkata MTRK memberi sedikit masa lagi kepada kerajaan negeri sama ada bersetuju menyerahkan pengurusan air kepada kerajaan pusat atau tidak sebelum siri roadshow digerakkan ke seluruh pelusuk negeri.

Katanya kempen mereka antara lain akan meminta rakyat Kelantan yang menghadapi masalah serius dengan air supaya membawa kes berkenaan ke Tribunal Pengguna seperti yang disarankan oleh Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed sebelum ini.

-- BERNAMA

ZI RON